
Kajian Terhadap Pelaksanaan Sistem e_KSPPMS Dalam Meningkatkan Sistem Pengurusan Kualiti di Politeknik Muadzam Shah

Nurul Izzah Ab Rahim¹, Siti Rohani Isnin², Sarizan Muhamad Mursid³

^{1,2} Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Muadzam Shah, Pahang

³ Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, Politeknik Muadzam Shah, Pahang
E-mail: nurulizzah@pms.edu.my

Abstract

The Quality Management System (QMS) outlines a systematic approach in the management of an organization. This system covers all aspects of management in an organization. A good quality management system allows the organization to reduce the risk of inconsistencies in the work process that can have a negative impact on the organization. Accordingly, management review becomes an aspect that is emphasized in QMS. Management review needs to be implemented by management periodically to identify continuous improvement actions and the effectiveness of the actions that have been taken. The management review report is the result of the management review meeting that needs to be prepared after the meeting is conducted. This report will record the improvement actions and the decisions made to realize the improvement actions. The management review report requires data from all departments and units under an organization. The manual data collection process for report preparation is a complicated process and takes a long time. Therefore, the Unit Jaminan Kualiti in Politeknik Muadzam Shah has developed the e_KSPPMS system to replace the manual work process. A study was conducted to see the effectiveness of the e_KSPPMS system among users who are officers responsible for preparing reports in departments and units. The data obtained was analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) for Window Version 29.0 and analyzed descriptively using percentage and mean. The results of the study show that the mean score is at the level of agree and strongly agree, which shows that the majority of respondents think that the use of e_KSPPMS has facilitated the process of preparing the management review report at Politeknik Muadzam Shah. However, improvements to the system are implemented based on feedback received from respondents.

Abstrak

Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) menggariskan pendekatan yang sistematik dalam pengurusan sesebuah organisasi. Sistem ini merangkumi semua aspek dalam pengurusan sebuah organisasi. Sistem pengurusan kualiti yang mantap membolehkan organisasi mengurangkan risiko berlakunya ketakakuran dalam proses kerja yang boleh memberi impak negatif kepada organisasi. Sehubungan itu, kajian semula pengurusan (KSP) menjadi satu aspek yang dititikberatkan dalam SPK. KSP perlu dilaksanakan oleh pengurusan secara berkala bagi mengenalpasti tindakan penambahbaikan berterusan dan keberkesanan tindakan yang telah diambil. Laporan kajian semula pengurusan merupakan hasil Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan yang perlu disediakan selepas mesyuarat dijalankan. Laporan ini akan merekodkan tindakan penambahbaikan dan keputusan yang dibuat bagi merealisasikan tindakan penambahbaikan tersebut. Laporan KSP memerlukan data dari semua jabatan dan unit di bawah sebuah organisasi. Proses pengumpulan data secara manual bagi penyediaan laporan merupakan satu proses yang rumit dan mengambil masa yang panjang. Oleh yang demikian, Unit Jaminan Kualiti Politeknik Muadzam Shah telah membangunkan sistem e_KSPPMS bagi menggantikan proses kerja yang dilaksanakan secara manual. Satu kajian telah dijalankan bagi melihat keberkesanan sistem e_KSPPMS di kalangan pengguna yang terdiri daripada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab menyediakan laporan di jabatan dan unit. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) for Window Version 29.0 dan dianalisis secara deskriptif menggunakan peratusan dan min. Hasil kajian menunjukkan skor min berada pada tahap setuju dan sangat setuju yang menunjukkan majoriti responden berpendapat bahawa penggunaan e_KSPPMS telah memudahkan proses penyediaan laporan KSP di Politeknik Muadzam Shah. Walau bagaimanapun, penambahbaikan terhadap sistem dilaksanakan berdasarkan kepada maklumbalas yang diterima daripada responden.

Kata kunci: Sistem Pengurusan Kualiti, Kajian Semula Pengurusan, Laporan KSP
